

10/06/2003

Amalan rasuah jejas integriti, kredibiliti sektor awam

Fazli Abdullah

RASUAH, salah guna kuasa dan penyelewengan bukan satu perkara baru, sama ada di sektor awam mahupun swasta. Meskipun jabatan, agensi kerajaan dan syarikat mempunyai amalan, sistem dan prosedur kerja, tetapi gejala buruk

itu tetap berlaku. Apa sudah jadi kepada sistem, amalan dan prosedur kerja

sehingga 'memberi laluan' kepada gejala buruk itu?

Kajian Badan Pencegah Rasuah (BPR) mendapati ada kelemahan dalam amalan,

sistem dan prosedur kerja jabatan dan agensi kerajaan. Selain itu, faktor

kerehnan birokrasi memburukkan lagi keadaan, sekali gus menjejaskan sistem

penyampaian (delivery system) sama ada sektor awam mahupun swasta.

Kelemahan itu dan kerehnan birokrasi akan menentukan tempoh masa berlangsungnya sesuatu urusan atau perkhidmatan yang ditawarkan, sama ada

selesai mengikut masa ditetapkan atau berpanjangan hingga berminggu, berbulan, bertahun malah ada mencecah setengah abad. Apabila berlaku kelewatan, akan timbul sogokan atau wang pelincir bagi mempercepatkan urusan berkenaan.

Meskipun pekeliling dikeluarkan dari semasa ke semasa, mengadakan piagam

pelanggan, penggubalan undang-undang yang bertujuan memberi perkhidmatan terbaik, tetapi masalah tetap timbul khususnya di jabatan dan agensi kerajaan yang berhubung terus dengan orang ramai seperti pejabat tanah, PBT, polis, imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Misalnya, tugas memproses borang permohonan yang banyak secara manual, diburukkan lagi dengan kekurangan kakitangan akan menyebabkan kelewatan sedangkan pemohon memerlukan jawapan segera. Keadaan ini menyebabkan pemohon berlumba-lumba untuk menyogok petugas bagi mempercepatkan permohonan masing-masing.

Isu utama ialah kelewatan. Kelemahan amalan, sistem dan prosedur kerja serta kerehnan birokrasi akan menyebabkan kelewatan dalam apa juga urusan yang dijalankan, sekali gus menjejaskan sistem penyampaian kerajaan dan swasta. Ini akan membuka ruang dan peluang kepada pihak berkepentingan untuk melakukan apa saja bagi mempercepatkan urusan masing-masing

termasuk

sogokan.

"Kelewatan ini boleh dilihat sebagai satu faktor yang boleh dieksploitasi oleh individu untuk melakukan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan," kata Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Zulkipli Mat Noor, dalam satu pertemuan di pejabatnya di Putrajaya, baru-

baru ini.

BPR, membuat rumusan itu selepas melakukan kajian kira-kira tiga bulan ke atas 74 pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Agensi berkenaan dipilih kerana BPR menerima banyak aduan berlaku rasuah

pada 2001 dan 2002. Malah, Biro Pengaduan Awam (BPA) turut menerima aduan perkara itu.

Awal tahun ini, pejabat tanah turut mendapat perhatian apabila media mendedahkan wujudnya rasuah dan kerenah birokrasi sehingga menyebabkan permohonan tanah lambat diselesaikan, malah ada yang berlarutan lebih 50 tahun. Pendedahan kelemahan pentadbiran di pejabat tanah termasuk kerenah birokrasi juga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kajian oleh BPR ditumpukan kepada dua aktiviti utama setiap agensi berkenaan iaitu proses permohonan tanah dan pemberimilikan tanah serta permohonan dan kelulusan lesen penjaja serta penguatkuasaan terhadap penjaja tanpa lesen. Pemeriksaan dilakukan ke atas 41 pejabat tanah dan 33 PBT berdasarkan kriteria tertentu.

Fokus pemeriksaan ialah ke atas amalan, sistem dan prosedur kerja yang merangkumi aspek dasar, undang-undang, peraturan serta mekanisma kawalan dalaman yang digunakan oleh jabatan berkenaan. Tujuannya untuk mengenal pasti ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam proses kerja berkenaan serta cadangan mengatasinya. Hasil kajian serta cadangan akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) bulan depan.

Kajian yang dikendalikan Bahagian Pencegahan BPR, mendapati kelewatan berlaku bukan disebabkan faktor teknikal, sebaliknya kegagalan petugas melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan akibat penggunaan sistem secara manual, kekurangan kakitangan, dan yang penting sekali kurangnya pemantauan, kawalan serta seliaan pegawai atasan.

"Kelewatan bukan disebabkan penugasan sebenarnya tetapi lewat mengambil tindakan atau langsung tiada tindakan. Contohnya, permohonan didaftar dan dibiarkan tanpa diproses sehingga pemohon datang bertanya semula selepas beberapa ketika. Apabila pemohon mahu disegerakan, maka dia 'hulur'," katanya.

Berdasarkan hasil kajian BPR itu, terbukti berlaku kelemahan dalam amalan, sistem dan prosedur kerja di dua agensi berkenaan. Meskipun BPR belum melakukan pemeriksaan di jabatan dan agensi lain terutama yang berada dalam 10 senarai teratas paling banyak berlaku rasuah serta sektor swasta, tetapi secara umumnya masalah yang sama tidak dapat dinafikan.

BPR, yang mempunyai kuasa mengikut Seksyen 8(c), (d) dan (e) Akta Pencegahan Rasuah 1997, sedang mengintai untuk memanjangkan usahanya terhadap agensi lain, termasuk sektor swasta. Mengikut seksyen itu, BPR berkuasa memeriksa jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat untuk mengesan ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam amalan, sistem dan prosedur kerja.

Ini bertujuan memastikan sistem operasi jabatan, agensi dan syarikat dikawal serta diperkukuhkan supaya bebas bebas daripada berlaku rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, selain meningkatkan lagi tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan jabatan, syarikat atau

organisasi
berkenaan.

Apa yang penting, semua pihak perlu melihat usaha dan kesungguhan BPR itu dari sudut positif iaitu memperbaiki kelemahan, bukannya untuk mendedahkan keaiban mana-mana pihak. Tetapi jika BPR mengesan salah laku ketika melakukan pemeriksaan itu, mereka yang bertanggungjawab perlu bersedia menerima tindakan yang sewajarnya.

"Kita bukan mahu mencari salah mana-mana jabatan atau agensi kerajaan. Tetapi bagi memastikan orang ramai mendapat perkhidmatan yang baik, cepat

dan berkesan," katanya yang yakin agensi dan syarikat lain akan memberi kerjasama baik terhadap usaha pihaknya, sebagaimana diberikan oleh pejabat

tanah dan PBT.

Mungkin gejala buruk itu di sektor awam dan swasta di negara ini tidak seteruk di sesetengah negara jiran, tetapi tanpa tindakan bersepadu untuk

membendung dan membanterasnya, ia boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti sektor awam dan swasta kerana ia memberi kesan langsung kepada sistem penyampaian kerajaan.

Sehubungan itu, pemantauan, kawalan dan seliaan lebih rapi dan berkesan

oleh pegawai atasan perlu dipertingkatkan bagi memastikan orang bawahan mematuhi setiap peraturan dan prosedur. Selain itu, segala kelemahan amalan, sistem prosedur perlu diperbaiki dan dikemaskinikan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua jabatan dan setiausaha kerajaan negeri perlu memberi perhatian terhadap kelemahan dan masalah yang berlaku dengan memastikan setiap arahan kerajaan terutama pekeliling,

piagam pelanggan serta garis panduan yang ditetapkan oleh JKP dipatuhi, bukan sekadar terpampang di dinding pejabat untuk dijadikan hiasan.

Malah, kalau perlu, rombakan mesti dilakukan ke atas amalan, sistem dan

prosedur kerja jabatan serta agensi kerajaan dan syarikat swasta, bagi memastikan perkhidmatan berjalan lancar demi kepentingan rakyat. Ini kerana sebarang kepincangan bukan saja mencemarkan integriti kakitangan awam tetapi juga menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat serta daya saing negara untuk menjadikan Malaysia destinasi pelaburan asing.

Sesungguhnya, usaha memantap dan memperkasa sektor awam, seiring dengan

strategi yang digubal dalam pakej strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi yang diumumkan oleh Dr Mahathir, baru-baru ini, iaitu

meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dan swasta.